

## PENUTUP

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 28 Februari 2022. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2021 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut diambil:

- a. Kerajaan Persekutuan disarankan meneruskan usaha meningkatkan hasil pendapatan melalui pelbagai sumber, mengamalkan perbelanjaan secara berhemat, mengurangkan tunggakan hasil dan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut serta mengamalkan disiplin fiskal yang tegas supaya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berada dalam keadaan lebih kukuh.
- b. Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan. Sistem semak dan imbang serta penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai, termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai.

- c. Keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD) di kementerian dan jabatan perlu dipertingkatkan. Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan rancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**22 September 2022**